

Orang ramai, industri diminta main peranan cegah pencemaran

JPS sukar bersihkan sungai

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA LUMPUR — Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengagui menghadapi kesukaran untuk membersihkan sungai yang tercemar di negara ini berikutan kurangnya kerjasama daripada masyarakat terutama penggiat industri.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zainor Rahim Ibrahim (**gambar**) berkata, kebanyakan sungai yang ada di negara ini bersih di bahagian hulu sahaja kerana tiada pembangunan dijalankan di kawasan itu.

Beliau berkata, sungai-sungai yang mengalir melalui kawasan bandar kebiasaannya tercemar teruk berikutan sikap orang ramai membuang sampah sarap dan tindakan

pihak industri menyalurkan sisa buangan kilang terus ke dalam sungai hingga mengakibatkan air menjadi hitam dan keruh.

"Sebagai contoh, Sungai Penchala di Kuala Lumpur telah dipulihkan menjadi bersih di bahagian hulu tetapi bahagian sungai yang mengalir di tengah bandar tetap kotor dan tercemar.

"Kita akui tugas memulihara sungai terletak di bawah bidang kuasa kerajaan namun ia memerlukan sokongan dan kerjasama daripada masyarakat untuk memastikan kejayaannya," katanya kepada *Kosmo!*

di sini semalam.

Kosmo! semalam melaporkan jumlah sungai yang kotor di negara ini meningkat hampir dua kali ganda apabila sebanyak 43 sungai dikategorikan sebagai tercemar tahun



KERATAN *Kosmo!* semalam.

lalu berbanding hanya 25 sungai pada 2013.

Antara sungai yang tercemar ialah Sungai Ayer Merah, Sungai Tampoi, Sungai Kempas di Johor; Sungai Jelutong, Sungai Juru, Sungai Jawi di Pulau Pinang; Sungai Buloh, Sungai Untut, Sungai Toba

di Selangor dan Sungai Seri Melaka serta Sungai Merlimau di Melaka.

Mengulas lanjut, Zainor Rahim berkata, JPS turut berhadapan dengan tekanan kewangan untuk memulihkan semula sungai yang tercemar di seluruh negara.

Katanya, sebagai contoh, setiap sungai di bawah program Satu Negeri Satu Sungai hanya menerima peruntukan sebanyak RM500,000 setahun sahaja.

"Peruntukan itu sangat sedikit jika dibandingkan dengan sungai yang tercemar itu. Jadi agak sukar untuk JPS melaksanakan program pemuliharaan sungai.

"Sebab itu kita minta kerjasama daripada semua pihak terutama penggiat industri untuk turut terlibat dalam kerja-kerja memulihara sungai. Jangan letakkan beban itu kepada kerajaan saja," ujarnya.